

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29/12/2018

# Dr Mahathir bersenam pakai kemeja curi perhatian netizen

**Kuala Lumpur:** Rakaman beberapa keping gambar dan video Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sedang bersenam dengan berpakaian kemeja, seluar panjang dan kasut sukan menarik perhatian pengguna media sosial semalam.

Sekeping gambar dan tiga rakaman video masing-masing berdurasi 16, 26 dan 30 saat itu dimuat naik pemilik Facebook (FB) Adam Mukhriz Mohd Muhayeddin pagi semalam menerima pelbagai reaksi positif netizen.

Disertakan dengan status: *Big boss ni exercise pun nak pakai baju office... rindu nak kerja la tu... haha.. almost one hour on treadmill!*, ia itu turut dikongsi sebanyak 442 kali pengguna FB.

Video pertama menyaksikan

Perdana Menteri yang mengenakan baju kemeja lengan panjang berwarna putih dan seluar panjang kelabu serta berkasut sukan sedang berjalan di atas 'treadmill' sambil dipantau seorang lelaki dipercayai jurulatih pusat kecergasan terbabit.

## Doakan kesihatan PM

Pada video kedua dan ketiga pula memaparkan beliau sedang mengikuti arahan jurulatih berkenaan untuk melakukan senaman regangan otot.

Pengguna FB Wan Ruh Daud menulis; "Jadual Tun padat. TUN x mahu buang masa salin pakaian. tetap cr peluang bersenam walaupun sibuk. Tertarik dgn konsep gym open air nie.

Ary Omar pula mendoakan ke-

sihatan Perdana Menteri dengan respon "Semoga diberi kesihatan dan kekuatan dgn izinNya. We love you Tun, keep strong"

## Kasut sukan jadi tumpuan

Bukan sahaja tindakan Dr Mahathir yang bersahaja bersenam dengan pakaian pejabat mendapat pujian, bahkan jenis kasut sukan dipakai juga mencuri perhatian netizen.

Muhammad Zulhairi menulis "Kasut apa tun pakai tu??" sebelum Joseph Lam membalas "ASICS GEL-Nimbus."

November lalu, Dr Mahathir menyarankan semua pejabat di sektor awam dan swasta berhenti seketika untuk membenarkan pekerjaanya bersenam kira-kira 15 minit setiap hari.

Adam Mukhriz Mohd Muhayeddin  
3 hrs · 🌐

Big boss ni exercise pun nak pakai baju office... Rindu nak kerja la tu... Haha.. Almost one hour on treadmill! @chedetofficial



Perkongsian gambar dan video Dr Mahathir bersenam mendapat perhatian pengguna media sosial.

PH - 29/12/2018 m/s: 6